

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI (KUALA NERUS)**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pembinaan Stesen Bas atau Gong Badak Central yang keperluannya sangat kritikal bagi menampung keperluan, keselamatan dan keselesaan khususnya mahasiswa/mahasiswi di Parlimen Kuala Nerus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan dan pembinaan Stesen Bas atau Gong Badak Central tidaklah terletak di bawah skop tanggungjawab atau dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT). Perkara ini adalah terletak di bawah skop tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam aspek perancangan, pengawalan dan kelulusan pembinaannya.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan menyediakan sokongan teknikal kepada pihak berkuasa yang berkenaan berhubung perancangan sistem pengangkutan awam darat termasuk aspek pembinaan stesen atau terminal bas awam. Perkara ini bagi memenuhi keperluan pengangkutan, keselamatan dan keselesaan penduduk setempat yang menggunakan perkhidmatan bas henti-henti di kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.